



امانت تاهون بهارو

AMANAT TAHUN BAHARU 2026

DAN
PERHIMPUNAN PENJAWAT
AWAM NEGERI KELANTAN

18 REJAB 1447
08 JANUARI 2026

KHAMIS
9.00 PAGI

DEWAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA
KOMPLEKS KOTA DARULNAIM



Al-Maidah : 8

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوِّمِينَ لِلّٰهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۚ
وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا ۚ اَعْدِلُوا هُوَ
أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۚ وَاتَّقُوا اللّٰهَ ۚ إِنَّ اللّٰهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”



Setulus Penghargaan

Saya merakamkan setulus penghargaan kepada seluruh penjawat awam Negeri Kelantan sebagai tulang belakang kerajaan di atas komitmen, dedikasi dan khidmat cemerlang yang telah tuan-tuan curahkan sepanjang tahun 2025 yang lalu.



Pertama

Pelaksanaan Belanjawan Mengikut Perancangan

Semua jabatan dan agensi kerajaan negeri hendaklah memastikan pelaksanaan Belanjawan 2026 dibuat mengikut perancangan yang telah diluluskan, termasuk dari segi skop, kos dan garis masa.



2026

Kedua

Perancangan Awal dan Penilaian Bersama

Setiap projek dan program hendaklah dirancang lebih awal dan dinilai secara bersama antara jabatan, melibatkan aspek teknikal, kewangan dan kebolehlaksanaan.



Ketiga

Impak Maksimum dengan Kos Munasabah

Setiap perbelanjaan mestilah munasabah dan sepadan dengan impak yang dihasilkan. Kerajaan negeri tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang bentuk ketirisan atau salah guna peruntukan kerajaan.



Pelaksanaan Hala Tuju Portfolio Kerajaan Negeri Kelantan 2023–2024

Berpaksikan Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) 2023–2023 yang menjadi kompas hala tuju negeri. Sebanyak 770 pelan tindakan dan 87 program mercu telah dirangka dan dalam tempoh dua tahun pentadbiran, hampir 80 peratus telah digerakkan.



TADBIR URUS BERTERASKAN MAQASID SYARIAH

Pentadbiran yang berteraskan Maqasid Syariah menuntut kita menghayati lima prinsip utama pentadbiran iaitu menegakkan keadilan, menjunjung amanah, mengutamakan syura, melaksanakan syariat dan memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.



TADBIR URUS BERTERASKAN MAQASID SYARIAH

Setiap apa yang dilakukan sekalipun kecil, tetap bernilai di dalam mizan Allah SWT. Setiap fail yang diproses dengan amanah, setiap aduan rakyat yang diselesaikan dengan ihsan, setiap keputusan yang dibuat dengan adil, semuanya direkodkan sebagai amal soleh yang akan dibalas dengan sebaik-baik ganjaran.



PENGUKUHAN EKONOMI DAN HASIL NEGERI

Prestasi pungutan hasil yang kukuh, termasuk sumbangan besar daripada pentadbiran tanah, mineral, hutan dan sumber baharu, membuktikan keupayaan jentera negeri apabila bekerja secara berdisiplin dan berfokus.



PENGUKUHAN EKONOMI DAN HASIL NEGERI

Pelaksanaan Sistem e-Tanah yang bermula pada 2026 akan menjadi anjakan besar dalam memendekkan tempoh urusan, meningkatkan ketelusan dan menghapuskan kerenah birokrasi.



PENGUKUHAN EKONOMI DAN HASIL NEGERI

Sehingga 28 Disember 2025, pungutan hasil Negeri Kelantan mencecah RM879.79 juta bersamaan 88.22% daripada anggaran tahunan. Bagi memperkukuh punca hasil baharu serta meningkatkan keupayaan kewangan negeri, beberapa strategi utama telah digariskan, termasuk penetapan KPI kutipan tunggakan cukai tanah sekurang-kurangnya 80% serta KPI kutipan cukai tanah pada kadar 100%.



2026

PENGUKUHAN EKONOMI DAN HASIL NEGERI

Penguatkuasaan akan dipergiatkan terhadap hasil hutan meliputi royalti kayu kayan, premium perhutanan, pampasan dalam negeri dan kayu getah serta terhadap sumber mineral seperti batu batan, manganese, bijih besi dan emas.



PENGUKUHAN EKONOMI DAN HASIL NEGERI

Seluruh ekosistem pertanian negeri melibatkan agensi kerajaan, GLC, koperasi dan petani hendaklah bergerak sebagai satu pasukan. Dengan perancangan rapi, pemasaran mantap dan sokongan berterusan, saya yakin Kelantan mampu muncul sebagai kuasa utama pengeluaran makanan negara.



PENGUKUHAN EKONOMI DAN HASIL NEGERI

Kerajaan Negeri telah menyediakan dana permulaan RM1 juta, dan baki RM905,000 akan dimanfaatkan sepenuhnya pada tahun 2026 untuk memperluaskan capaian skim ini ke seluruh negeri.




KELANTAN MENUJU BANDAR PINTAR

Tahun 2026 telah ditetapkan sebagai tahun pelaksanaan sebenar Bandar Pintar Negeri Kelantan. Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diarahkan menyediakan dan melaksanakan Pelan Tindakan Bandar Pintar masing-masing berpandukan Blueprint Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040. Keutamaan hendaklah diberikan kepada projek perintis yang berimpak tinggi, praktikal dan boleh diukur.



BEKALAN AIR

Kerajaan negeri turut komited memastikan bekalan air yang mampan dan mencukupi dapat dinikmati oleh rakyat secara berfasa sehingga mencapai sasaran fasa pemulihan. Antara projek utama termasuk pembinaan LRA Tok Bali (50 JLH) dan LRA Machang 1 (50 JLH), yang dijangka memberi kesan langsung kepada pemulihan bekalan air bagi sekitar 68,000 akaun pengguna di Bachok, Pasir Puteh, Kota Bharu Selatan dan Machang.



PERUMAHAN

Kerajaan negeri memperkenalkan Dasar Rumah Mampu Milik Kelantan 2026, yang diperkukuh dengan garis panduan, standard dan spesifikasi yang lebih jelas bagi memastikan pelaksanaannya mampan, berdaya maju dan menepati keperluan rakyat.



PENGUKUHAN PERKHIDMATAN DAN SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN

Kerajaan Negeri juga telah merangka cadangan pelan jangka panjang bagi pemerkasaan pentadbiran Dewan Negeri Kelantan melalui pendigitalan serta penambahbaikan akses dan pengurusan maklumat perlu diperkukuh bagi memastikan ketelusan, kecekapan dan keterlibatan awam yang lebih bermakna.



PENGUKUHAN PERKHIDMATAN DAN SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN

Pengurusan Pusat Khidmat DUN perlu terus diperkukuh dan ditambah baik secara berterusan agar berfungsi secara berkesan sebagai agensi yang menguruskan peruntukan dan kebajikan rakyat. Peranan Ahli Dewan Negeri (ADN) amat penting sebagai peneraju dan pemudah cara utama



PENGUKUHAN PERKHIDMATAN DAN SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN

Jentera penerangan mesti menjadi suara kerajaan yang berwibawa, menyampaikan dasar dan pencapaian secara jujur, tersusun dan berintegriti, agar rakyat benar-benar memahami usaha dan kejayaan yang sedang dilaksanakan.



PENGUKUHAN PERKHIDMATAN DAN SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN

Melalui Dasar Penerangan dan Portal Info Rakyat Kelantan yang akan dilancarkan sekejap lagi, saya mengharapkan prestasi jentera penerangan kerajaan dapat terus dipertingkatkan sebagai sumber rujukan rakyat mengenai kerajaan negeri Kelantan.



KELANTAN PRIHATIN DAN SEJAHTERA

Agenda berkebajikan menyantuni rakyat sudah sebatikan sentiasa menjadi keutamaan kepimpinan kerajaan negeri. Bukan satu atau dua inisiatif kebajikan yang telah diperkenalkan sejak pentadbiran Membangun Bersama Islam mentadbir tetapi pelbagai inisiatif dan insentif yang dipelopori Kelantan menjadi ikutan ramai pihak.



KELANTAN PRIHATIN DAN SEJAHTERA

Peningkatan peruntukan program komuniti OKU daripada RM500 ribu kepada RM600 ribu bagi tahun 2026 mencerminkan iltizam berterusan Kerajaan Negeri untuk memastikan golongan ini tidak terpinggir daripada arus pembangunan, malah diberi ruang untuk berdikari dan menyumbang kepada masyarakat.



PEMBANGUNAN INSAN, SUKAN DAN PELANCONGAN

Bagi membendung penyakit sosial dalam masyarakat secara menyeluruh dan berterusan, Kerajaan Negeri mengharapkan agar program-program seperti Komuniti Rabbani (K-Rabb), Program Desa Taqwa serta pelbagai inisiatif pembangunan sosial yang lain, diintegrasikan secara strategik dengan pendekatan Syariah Life yang dilancarkan baru-baru ini ke arah mewajah Kelantan Sejahtera.



PEMBANGUNAN INSAN, SUKAN DAN PELANCONGAN

Apa yang menjadi hasrat utama Kerajaan Negeri selain perancangan untuk cemerlang di SUKMA 2028 adalah untuk memastikan acara sukan yang dianjurkan di negeri Kelantan selari dengan kehendak Islam. Justeru persiapan ke arah itu hendaklah disusun juga dengan penyediaan dasar dan garis panduan yang praktikal.



2026

PEMBANGUNAN INSAN, SUKAN DAN PELANCONGAN

Dengan sasaran 12 juta pelancong menjelang 2026, komitmen mempergiat promosi melalui 52 program pelancongan berteraskan warisan dan gastronomi hendaklah dilaksanakan dengan komited selaras dengan aspirasi menjadikan Kelantan sebagai Bandar Gastronomi yang berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa.



DIPLOMASI NEGERI DAN PERSEKUTUAN – MENJUNJUNG SEMANGAT FEDERALISME

Berteraskan semangat ta'awun, kedua-dua pihak wajib saling memperkukuh demi kemaslahatan bersama. Federalisme yang matang menuntut kerjasama yang konstruktif, sikap saling menghormati peranan dan bidang kuasa, serta komitmen memastikan setiap dasar dan projek pembangunan benar-benar memberi manfaat langsung kepada rakyat Kelantan.



Suka saya tegaskan bahawa kejayaan Kerajaan Negeri Kelantan tidak pernah bergantung kepada seorang pemimpin semata-mata. Ia adalah hasil tanggungjawab dan dokongan bersama yang digalas oleh seluruh jentera pentadbiran, Ahli-Ahli Yang Berhormat, penjawat awam, agensi pelaksana serta sokongan berterusan rakyat.



DISKAUN DENDA CUKAI TANAH

Tawaran diskaun sebanyak 90 peratus ke atas tunggakan denda cukai tanah yang sepatutnya berakhir pada 30 Disember 2025 akan dilanjutkan sehingga 31 Mac 2026. Keputusan ini diambil sebagai manifestasi komitmen Kerajaan Negeri untuk terus menggalakkan rakyat melaksanakan tanggungjawab bersama secara berhemah demi kelangsungan dan kemajuan pembangunan negeri.



2026